



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

JPA TERUS PERKUKUH SISTEM PENCEN DAN NAZIRAN ELAUN *KPPA PIMPIN USAHA MENJAGA KESEJAHTERAAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM*

Kota Bharu, 21 Ogos 2025 – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menegaskan komitmennya dalam menjunjung nilai integriti dan kebajikan pegawai awam dengan memperkukuh dua aspek utama: pengurusan pencen dan keberkesanan naziran elaun. Kedua-dua usaha ini dipacu secara langsung oleh kepimpinan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan kesejahteraan berterusan warga perkhidmatan awam dan pesara.

Naziran Elaun: Memastikan Sistem Berintegriti

Melalui Bahagian Gaji dan Elaun (BGE), JPA telah menjalankan siri naziran elaun di Kelantan pada 19 dan 20 Ogos 2025 melibatkan Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Kontinjen Kelantan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia serta Jabatan Penjara Malaysia.

Naziran ini adalah sebahagian daripada Program H.E.M.A.T. (Hijrah Tatakelola) yang menekankan ketelusan, keberkesanan dan efisiensi dalam pengurusan elaun pegawai awam. Usaha ini berfungsi bukan sahaja sebagai pemeriksaan teknikal, malah sebagai mekanisme audit lapangan untuk menutup ruang ketirisan, meningkatkan kepercayaan rakyat dan menegakkan akauntabiliti kerajaan.

Komitmen Terhadap Pesara dan Pencen

Selain pengukuhan sistem elaun, JPA juga memberi penekanan kepada penghargaan pesara dan kelangsungan sistem pencen sebagai teras kebajikan awam. Menerusi Program Santuni Pesara dan Penerima Pencen Uzur, KPPA sendiri turun padang bertemu pesara bagi menyantuni mereka dengan penuh hormat dan keprihatinan.

Menurut Tan Sri Wan Ahmad Dahlan, program ini bukan sekadar ziarah, tetapi cerminan tanggungjawab kerajaan dalam memastikan pesara terus dihargai sebagai aset penting negara. Beliau menegaskan bahawa program ini adalah kesinambungan khidmat bakti kerajaan untuk memastikan pesara kekal sejahtera dari aspek fizikal, emosi, dan sosial.

Program ini turut disokong oleh pelbagai agensi termasuk Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP], Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Kelantan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang mencerminkan kerjasama menyeluruh bagi melindungi kebajikan pesara.

Kesinambungan Agenda MADANI

Melalui naziran elaun dan pemerkasaan kebajikan pesara, JPA membuktikan bahawa agenda MADANI bukan sekadar retorik tetapi realiti. Usaha ini memperkukuh perkhidmatan awam sebagai institusi yang responsif, telus dan berteraskan kesejahteraan rakyat.

###

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 21 Ogos 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (23)